

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RGP 051 - Ekonomi Untuk PBP

Tarikh: 9 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. a) Bagaimanakah masyarakat Malaysia cuba mengatasi masalah asas ekonomi?  
b) Apakah tafsiran yang dapat anda buat melalui Keluk Kemungkinan Pengeluaran?

( 25 markah )

2. Keluk di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran ke atas satu barang tertentu yang telah mencapai keseimbangan pada titik x. Pada pendapat anda apakah faktor-faktor yang dapat mengubah kedudukan keseimbangan tersebut?



( 25 markah )

3. Dasar kerajaan masakini untuk Rancangan Perumahan Kos Rendah ialah menetapkan harga jualan maksimum sebanyak \$25,000 sebuah. Kerajaan juga menetapkan setiap rancangan perumahan baru hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah disamping rumah jenis lain. Bagaimanakah pelaksanaan dasar tersebut dapat memberi kesan terhadap penawaran rumah?

( 25 markah )

4. Di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, pasaran harta tanah terutama perumahan telah mengalami permintaan yang tidak memuaskan. Andaikata anda sedang berkhidmat dengan sebuah syarikat pemaju perumahan, huraikan cara mengurangkan masalah akibat dari kekurangan permintaan tersebut.

( 25 markah )

5. Bagaimanakah sekim pengswastaan perumahan dapat membantu:

- a) Pembeli?
- b) Pemaju?

( 25 markah )

6. Pilih dan terangkan 5 sahaja daripada perkara-perkara berikut:

- a) Faktor-faktor pengeluaran
- b) Kos membuat anggaran
- c) Ekonomi Penempatan
- d) Penentuan harga (secara rundingan)
- e) Keluk Jumlah Kos
- f) Ekonomi Integrasi

( 25 markah )